

30 DEC 1998

DR MAHATHIR TERIMA KUNJUNGAN JEN ISMAIL

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan perpisahan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Ismail Omar, yang akan bersara esok.

Pertemuan lebih 40 minit itu berlangsung di pejabat Perdana Menteri, di sini.

Esok Jen Ismail akan menghadiri upacara serah terima tugas serta penyerahan tongkat kuasa PAT, di Wisma Pertahanan di sini.

Jen Ismail akan digantikan oleh Panglima Tentera Darat Jen Datuk Seri Mohd Zahidi Zainuddin.

-- BERNAMA

RV AHH AKD